

AKTA KEUPAYAAN MENTAL:

PANDUAN PENJAGA

BAHAGIAN A	APA ITU AKTA KEUPAYAAN MENTAL DAN APAKAH YANG PERLU SAYA TAHU?	04
	A1. Apa itu keupayaan mental?	04
	A2. Apa itu Akta Keupayaan Mental dan mengapa ia penting?	05
BAHAGIAN B	APAKAH TUGAS PEJABAT PENJAGA AWAM?	06
	B1. Penjaga Awam	06
	B2. Fungsi Penjaga Awam	06
	B3. Pejabat Penjaga Awam	07
	B4. Peranan Lembaga Peninjau	07
BAHAGIAN C	LIMA PRINSIP BERKANUN DI BAWAH AKTA KEUPAYAAN MENTAL	08
	C1. Pengenalan	08
	C2. Prinsip berkanun Akta tersebut	08
	C3. Bagaimana lima prinsip berkanun itu diguna pakai?	09
BAHAGIAN D	BAGAIMANA AKTA KEUPAYAAN MENTAL MELINDUNGI INDIVIDU YANG KURANG KEUPAYAAN?	15
	D1. Apakah yang perlu dilakukan jika seseorang mengesyaki penderaan?	15
	D2. Perlindungan untuk Pemberi Maklumat	16

BAHAGIAN E	APA YANG PERLU SAYA TAHU TENTANG PENILAIAN KEUPAYAAN MENTAL?	17
	E1. Apa yang dimaksudkan dengan "kekurangan keupayaan mental"?	17
	E2. Siapa yang memutuskan sama ada seseorang itu berkeupayaan atau tidak?	18
	E3. Bilakah keupayaan mental seseorang mungkin berubah?	19
BAHAGIAN F	SENARAI SEMAKAN BAGI PENJAGA	20
	F1. Senarai semakan	20
	F2. Pertimbangkan perancangan penjagaan awal (ACP) yang telah dilakukan oleh P (pesakit)	23
	F3. Perancangan penjagaan	24
BAHAGIAN G	DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT?	25
	GLOSARI	26

Buku ini menyediakan panduan bagi para penjaga. Ia memberi anda gambaran menyeluruh tentang langkah-langkah praktikal yang boleh diambil untuk membantu seseorang yang anda jaga membuat keputusannya sendiri.

Sebagai seorang penjaga, anda bertanggungjawab untuk mempertimbangkan dan membuat keputusan bagi pihak seseorang yang kurang keupayaan demi kepentingan dirinya.

Senario dan contoh dalam panduan ini adalah untuk ilustrasi sahaja. Watak dan situasi yang dipaparkan adalah rekaan semata-mata. Dalam kes-kes tertentu, ia tidak boleh menggantikan nasihat profesional dan tidak boleh dijadikan sebagai dluan bagi keputusan dalam situasi yang serupa. Contoh dalam panduan ini juga tidak boleh digunakan di mahkamah untuk membuat keputusan dalam kes tertentu, kerana ia bergantung pada keadaan kes masing-masing yang dihadapkan ke mahkamah.

SEBELUM KITA MULAKAN

BAHAGIAN A


APA ITU AKTA KEUPAYAAN MENTAL DAN APAKAH YANG PERLU SAYA TAHU?

A1. APA ITU KEUPAYAAN MENTAL?

Keupayaan mental merupakan kemampuan seseorang untuk membuat keputusan tertentu pada masa yang tertentu.

Keupayaan mental dinilai berdasarkan kes tersendiri dan tidak boleh disimpulkan berdasarkan keadaan kesihatan tertentu yang dialami seseorang. Tambahan pula, kekurangan keupayaan mental seseorang tidak boleh berlandaskan hanya kepada:

- umur;
- rupa – hal ini termasuk ciri fizikal yang menyifatkan keadaan tertentu (sebagai contoh, ciri yang dikaitkan dengan sindrom Down atau kekejangan otot yang disebabkan oleh cerebral palsy) serta aspek penampilan seperti pemakaian atau keadaan kebersihan;
- perawakan – hal ini termasuk ketidakupayaan fizikal, ketidakbolehan intelek, penyakit berkaitan usia atau keadaan sementara seperti mabuk; atau
- perilaku – hal ini mungkin termasuk tingkah laku yang kelihatan luar biasa kepada orang lain, sebagai contoh, menggoyang-goyangkan badan, bercakap dengan diri sendiri atau ketawa yang tidak sepatutnya. Hal ini juga termasuk tingkah laku ekstrovert, sebagai contoh, menjerit sambil membuat gerakan isyarat, serta tingkah laku menyisihkan diri seperti enggan bercakap atau mengelak dari berhubung mata dengan orang lain.



A2. APA ITU AKTA KEUPAYAAN MENTAL DAN MENGAPAKAH IA PENTING?

Akta Keupayaan Mental (Akta) membolehkan orang ramai merancang lebih awal dan memberi mereka kuasa untuk membuat pilihan bagi masa depan mereka sebelum mereka kehilangan keupayaan mental. Ia menangani keperluan untuk membuat keputusan bagi individu yang berumur 21 tahun ke atas apabila mereka kekurangan keupayaan mental untuk membuat keputusan bagi diri mereka sendiri.

Akta ini juga:

- a. membolehkan orang ramai membuat Surat Kuasa Berkekalan (LPA) secara sukarela untuk melantik seorang atau lebih (Penerima Kuasa) untuk membuat keputusan dan bertindak bagi pihak mereka sekiranya dan apabila mereka kurang keupayaan mental di masa hadapan;
- b. membolehkan mahkamah melantik seorang Timbalan untuk membuat keputusan dan bertindak bagi pihak seseorang yang kurang keupayaan mental jika keputusan diperlukan tetapi seseorang itu tidak mempunyai wakil untuk membuat keputusan tersebut;
- c. membenarkan ibu bapa bagi anak yang mempunyai kurang upaya intelek untuk memohon kepada mahkamah supaya melantik diri mereka sebagai Timbalan bagi anak mereka serta melantik seorang lagi sebagai Pengganti Timbalan sekiranya ibu bapa tadi meninggal dunia atau kehilangan keupayaan mental mereka sendiri;
- d. memberi perlindungan perundangan bagi tindakan yang diambil oleh penjaga yang berkaitan dengan penjagaan dan layanan seseorang yang kurang keupayaan mental jika syarat tertentu dipenuhi, termasuk keperluan bahawa tindakan tersebut dilakukan demi kepentingan terbaik seseorang itu;
- e. memberi perlindungan kepada mereka yang kurang keupayaan mental;
- f. mempunyai lima prinsip berkanun yang mesti dipatuhi oleh sesiapa yang membuat keputusan atau mengambil tindakan bagi seseorang yang kelihatan kurang keupayaan;
- g. mewujudkan pegawai baharu yang dipanggil Penjaga Awam, yang fungsinya termasuklah menyenggara daftar Surat Kuasa Berkekalan (LPA) dan daftar pelantikan para Timbalan atas perintah mahkamah, menyelia Timbalan dan menangani dakwaan penyalahgunaan oleh para Penerima Kuasa dan para Timbalan; dan
- h. membolehkan profesional berdaftar untuk menyediakan perkhidmatan Timbalan dan Penerima Kuasa bergaji.

BAHAGIAN B

APAKAH TUGAS PEJABAT PENJAGA AWAM?

B1. PENJAGA AWAM

Penjaga Awam bertugas melindungi maruah dan kepentingan individu yang kurang keupayaan mental dan yang rentan. Penjaga Awam adalah ketua Pejabat Penjaga Awam (OPG).

B2 FUNGSI PENJAGA AWAM

Penjaga Awam melaksanakan pelbagai fungsi untuk memperkasakan dan melindungi mereka yang kurang keupayaan.

Fungsi-fungsi ini termasuk:

- a. menyenggara daftar Surat Kuasa Berkekalan dan daftar pelatikan para Timbalan atas perintah mahkamah;
- b. menyelia Timbalan;
- c. menerima laporan daripada Timbalan; dan
- d. menyiasat sebarang dakwaan pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan dalam Akta Keupayaan Mental termasuk aduan tentang cara Penerima Kuasa dan Timbalan menjalankan kuasa mereka.

B3. PEJABAT PENJAGA AWAM

- OPG menyokong Penjaga Awam dalam menjalankan tugasnya.
- OPG adalah sebuah jabatan dalam Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga.

B4. PERANAN LEMBAGA PENINJAU

Lembaga Peninjau dikehendaki untuk:

- melawat mereka yang kurang keupayaan, Penerima Kuasa atau Timbalan, seperti yang diarahkan oleh Penjaga Awam atau mahkamah, dan
- memantau kesejahteraan mereka yang kurang keupayaan.

Terdapat dua jenis peninjau:

- a. Peninjau Khas - yang merupakan pengamal perubatan berdaftar atau orang yang mempunyai kepakaran berkenaan tentang ketidaksempurnaan, atau gangguan dalam fungsi minda atau otak, dan
- b. Pelawat Am - yang tidak semestinya berkecualan dalam bidang perubatan.



BAHAGIAN C

LIMA PRINSIP BERKANUN DI BAWAH AKTA KEUPAYAAN MENTAL

C1. PENGENALAN

Apabila menjaga seseorang yang kurang keupayaan, anda perlu mengambil kira lima prinsip berkanun dan Kod Tata Amalan.

Akta Keupayaan Mental (Akta) menawarkan perlindungan undang-undang kepada anda, jika:

- sebelum mengambil tindakan, anda telah mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan seseorang itu kurang keupayaan tentang perkara yang dipersoalkan, dan
- anda secara munasabah percaya bahawa seseorang itu kurang keupayaan dan tindakan yang diambil itu adalah demi kepentingannya sendiri

C2. PRINSIP BERKANUN AKTA TERSEBUT

Akta ini bertujuan untuk mengimbangi hak seseorang untuk membuat keputusannya sendiri dengan keperluan untuk melindunginya ketika dia kekurangan keupayaan mental untuk membuat keputusan tersebut.

Ia menetapkan lima prinsip berkanun untuk membantu individu mengambil bahagian sebanyak mungkin dalam proses membuat keputusan, dan melindunginya apabila dia kekurangan keupayaan untuk berbuat demikian. Matlamat Akta adalah untuk membantu dan membimbing orang ramai dalam membuat keputusan tertentu, bukan menyekat dan mengawal mereka.

Sesiapa yang membuat sebarang keputusan atau mengambil sembarang tindakan bagi pihak seseorang yang kelihatan kurang keupayaan perlu mengguna pakai lima prinsip ini.

- Prinsip 1:** Seseorang individu mesti dianggap berkeupayaan melainkan dibuktikan bahawa dia kurang keupayaan.
- Prinsip 2:** Seseorang individu tidak boleh dianggap sebagai tidak boleh membuat keputusan melainkan semua ikhtiar telah diambil untuk membantu individu itu membuat keputusan tetapi tidak berjaya.
- Prinsip 3:** Seseorang individu tidak boleh dianggap sebagai tidak boleh membuat keputusan hanya kerana dia membuat keputusan yang tidak bijak..
- Prinsip 4:** Tindakan yang diambil atau keputusan yang dibuat di bawah Akta ini untuk atau bagi pihak seseorang individu yang kurang keupayaan mestilah dilakukan, atau dibuat demi kepentingan terbaiknya.
- Prinsip 5:** Sebelum sesuatu tindakan dilakukan atau keputusan dibuat, perhatian mesti diberikan sama ada tujuan yang diingini boleh dicapai dengan berkesan melalui cara yang kurang menyekat hak dan kebebasan seseorang individu untuk bertindak.

C3. BAGAIMANA LIMA PRINSIP BERKANUN DIGUNA PAKAI?

Prinsip-prinsip berkanun membantu seseorang individu melibatkan diri sebanyak mungkin dalam proses membuat keputusan, dan melindunginya apabila dia kekurangan keupayaan untuk berbuat demikian.

Apabila membuat keputusan atau bertindak bagi pihak seseorang yang kurang keupayaan mental, prinsip-prinsip ini harus dibaca bersama dengan peruntukan dalam Akta Keupayaan Mental untuk memastikan tindakan atau keputusan yang sewajarnya dapat diambil dalam setiap kes.

Prinsip 1: Anggapan berkeupayaan

Melainkan terdapat bukti bahawa seseorang individu tidak berkeupayaan untuk membuat keputusan apabila diperlukan, individu tersebut mestilah dianggap sebagai mempunyai keupayaan untuk membuat keputusannya sendiri.

Penilaian kekurangan keupayaan tidak boleh berdasarkan rupa, umur, perawakan atau perilaku seseorang sahaja. Oleh itu, mereka harus dibenarkan membuat keputusan sendiri apabila mereka mampu berbuat demikian.



KISAH SHANTI

Shanti Sandhu ialah seorang janda berusia 66 tahun yang tinggal bersendirian di sebuah rumah pangsa tanpa lif. Anak-anak beliau terkorbandalam kemalangan lalu lintas kira-kira enam bulan yang lalu.

Shanti pernah bergiat aktif dalam komuniti melalui kegiatan-kegiatan setempat dan menjadi sukarelawan dalam kegiatan Jawatankuasa Penduduk. Sejak kemalangan itu, Shanti memencilkan diri.

Jawatankuasa blok bakal menganjurkan ceramah kesihatan dan kegiatan pemeriksaan kesihatan percuma. Pihak jawatankuasa sedang mempertimbangkan untuk mengecualikan Shanti kerana mereka percaya dia tidak mempunyai keupayaan untuk menyumbang dalam penganjuran kegiatan tersebut.

Pihak jawatankuasa penganjur tidak sepatutnya menganggap Shanti kurang keupayaan mental hanya kerana dia tinggal bersendirian dan memencilkan diri. Seseorang itu dianggap mempunyai keupayaan melainkan dibuktikan sebaliknya. Jawatankuasa penganjur harus mempertimbangkan untuk menjemput Shanti. Terpulang kepada dia untuk memilih melibatkan diri atau tidak.

Prinsip 2: Memberi segala bantuan seberapa yang boleh

Penjaga, ahli keluarga, Penerima Kuasa, Timbalan dan golongan profesional yang menjaga atau merawat seseorang individu yang mungkin menghadapi kesukaran untuk membuat keputusan tertentu perlu mengambil semua langkah yang boleh dilakukan untuk membantu individu itu membuat keputusannya sendiri.

Semasa membantunya membuat keputusan, mereka tidak boleh mendesak atau memaksakan pandangan mereka ke atas individu itu. Jenis sokongan yang patut diterima oleh individu itu bergantung pada jenis keputusan yang perlu dibuat dan keadaannya.

Individu itu tidak boleh membuat keputusan bagi pihak seseorang semata-mata kerana orang tersebut mengalami kesukaran untuk berkomunikasi. Sebaliknya, individu harus memberikan sokongan, contohnya, dengan menyediakan maklumat dalam format yang lebih mudah difahami melalui tulisan dan lukisan yang besar, dan menggunakan bentuk komunikasi yang berbeza seperti bahasa isyarat, Braille, dan lain-lain.



KISAH TIM

Beberapa pegawai polis menemui Tim, seorang lelaki pertengahan umur yang tinggal di bawah jejambatan Lebuhraya Rentas Pulau (PIE). Keadaannya sangat kotor dan terdapat luka besar di kakinya yang kelihatan dijangkiti. Mereka membawanya ke hospital.

Kakitangan hospital bertanya butiran peribadi Tim dan saudara-mara yang boleh dihubungi. Pertanyaan ini diajukan dalam pelbagai bahasa. Tim membisu dan enggan bekerjasama dengan doktor yang memeriksa kecederaannya.

Doktor memberitahu jika lukanya tidak dirawat, Tim mungkin kehilangan kakinya dan membuat gerakan menggergaji pada kakinya untuk menjelaskan situasi itu kepadanya. Selepas itu, dia mula memberikan perhatian dan menunjuk ke arah mulut dan kedua telinganya sambil menggelengkan kepalanya.

Seorang jururawat menyedari Tim mungkin seorang bisu tuli. Dia memberi Tim sekeping kertas dan pen, dan memanggil seseorang yang arif bahasa isyarat. Tim bertenang dan mula berkomunikasi dengan kakitangan hospital secara bertulis.

Tim mungkin tidak dapat berkomunikasi secara lisan, tetapi itu tidak bermakna dia tidak boleh membuat keputusan mengenai rawatannya. Pasukan perubatan telah bertindak tepat dengan menyediakan semua bantuan praktikal untuk menyokong Tim dalam membuat dan menyampaikan keputusannya.

Dalam situasi kecemasan, contohnya, terdapat kecederaan serius akibat kemalangan, ia tidak praktikal untuk mengambil terlalu banyak langkah bagi menyokong seseorang membuat keputusannya sendiri. Apa yang boleh dilakukan adalah untuk memastikan individu tersebut dimaklumkan tentang perkara yang sedang berlaku dan sebab prosedur dilakukan.

Prinsip 3: Keputusan kurang bijak

Seseorang bebas membuat keputusannya sendiri walaupun keputusan itu kurang bijak pada pendapat orang lain. Hal ini mengiktiraf hak seseorang untuk membuat pilihan sendiri. Keputusan yang tidak bijak tidak semata-mata bermakna individu itu telah hilang keupayaan mental.

Namun, terdapat perbezaan antara seseorang yang membuat keputusan yang kurangbijak (yang mungkin dilakukannya ketika membuat keputusan) daripada dia membuat keputusan apabila dia kurang keupayaan untuk memahami, mengingat atau menggunakan maklumat yang diperlukan untuk membuat keputusan tersebut.

Jika seseorang membuat beberapa keputusan yang pelik berbanding dengan tingkah lakunya yang biasa atau membuat keputusan yang memudahkannya untuk dieksploitasi atau memudaratkannya, maka siasatan lanjut mengenai keupayaan individu itu hendaklah dijalankan.



KISAH AH HUAT

Ah Huat berusia 73 tahun. Dia seorang duda dan tinggal bersendirian. Minggu lepas, seorang pemasang tingkap bernama Paul datang ke rumah Ah Huat. Paul meyakinkan Ah Huat supaya menggantikan tingkap bilik airnya kerana ia berkarat. Keesokan harinya, Paul kembali dan menasihati Ah Huat supaya menggantikan tingkap bilik tidurnya. Paul mengenakan bayaran sebanyak \$500 kepada Ah Huat.

Ah Seng, anak lelaki Ah Huat, prihatin terhadap bapanya. Ah Huat selalunya berjaga-jaga dalam perihal kewangannya kerana dia sudah bersara.

Paul kembali untuk kali ketiga dan Ah Huat bersetuju untuk menggantikan tingkap yang selebihnya dengan harga \$1500. Ah Seng yang telah memeriksa tingkap sebelumnya, mendapati tingkap-tingkap itu masih dalam keadaan baik dan tidak perlu digantikan. Dia percaya bahawa Paul telah mengambil kesempatan ke atas ayahnya dan tertanya-tanya sama ada Ah Huat mampu membuat keputusan pembelian yang serupa.

Ah Huat menjelaskan bahawa dia ingin menggantikan kesemua tingkap sekali gus kerana tawaran yang lebih baik. Dia percaya bahawa dalam tempoh setahun dua lagi kesemua tingkap perlu digantikan.

Ah Seng tidak boleh beranggapan bahawa ayahnya, Ah Huat, kurang keupayaan mental hanya kerana dia berumur 73 tahun dan telah memutuskan untuk menggantikan semua tingkap di flatnya. Jika bentuk tingkah laku biasa Ah Huat terus berubah dan menimbulkan kebimbangan, maka Ah Seng boleh mempertimbangkan untuk menilai keupayaan mentalnya oleh doktor.

Prinsip 4: Kepentingan terbaik

Setiap tindakan atau keputusan yang dibuat bagi pihak seseorang yang kurang keupayaan mestilah demi kepentingan terbaiknya. Sama ada keputusan yang dibuat adalah yang terbaik itu seseorang itu adalah bergantung pada keadaan kes itu.



KISAH RON


Kevin Khoo dan isterinya, Sally Lee, mempunyai tiga orang anak. Ron, anak sulung mereka yang berusia 23 tahun, mempunyai kekurangan intelektual dan bekerja di bengkel tertutup yang dikendalikan oleh sebuah badan kebajikan.

Badan kebajikan itu mempunyai program yang menawarkan kediaman sementara untuk individu seperti Ron untuk memperoleh kemahiran hidup asas demi kehidupan yang lebih berdikari. Dengan sedikit sokongan, mereka juga belajar cara menggunakan pengangkutan awam. Kemahiran hidup ini membantu mereka menyesuaikan diri dengan lebih baik untuk pekerjaan terbuka.

Terdapat ruang dalam program kediaman itu dan pekerja sosial di badan kebajikan mengesyorkan agar Ron menerima tawaran tersebut.

Kevin dan Sally sedar bahawa Ron ingin lebih berdikari. Tetapi, mereka bimbang sekiranya Ron menerima tawaran itu, mereka tidak akan dapat menjaganya dan masa yang diluangkan bersama akan berkurang.

Jika Ron mempunyai keupayaan mental untuk membuat keputusan mengenai program kediaman itu, maka Kevin dan Sally tidak sepatutnya membuat keputusan bagi pihaknya. Jika Ron tidak mempunyai keupayaan untuk membuat keputusan ini, Kevin dan Sally mestilah ingat bahawa mereka harus bertindak demi kepentingan terbaik Ron dan bukan kepentingan mereka sendiri.



Prinsip 5: Kurang penyekatan

Apabila bertindak atau membuat keputusan bagi pihak seseorang yang kurang keupayaan, tindakan atau keputusan yang diambil haruslah tidak bersifat menyekat hak dan kebebasan orang itu untuk bertindak.

Pilihan yang bersifat kurang menyekat biasanya juga merupakan pilihan terbaik demi kepentingan individu tersebut.

Kadangkala ia termasuk tidak mengambil apa-apa tindakan atau keputusan sama sekali. Semua tindakan yang diambil atau keputusan yang dibuat, atau keputusan untuk tidak mengambil apa-apa tindakan, mestilah diambil untuk kepentingan terbaik orang tersebut.



KISAH AH MEI

Ah Mei tinggal bersama ibunya, Puan Kwong Siew Moi, yang berusia 80 tahun dan menghidap demensia.

Apabila Ah Mei keluar bekerja, dia akan mengunci ibunya di dalam bilik untuk mengelakkannya daripada tercedera atau merayau. Dia akan meninggalkan makanan dan air di dalam bilik. Puan Kwong memakai lampin orang dewasa.

Apabila Ah Mei pulang ke rumah pada waktu petang, dia akan memandikan ibunya i dan memberinya makan. Walaupun Ah Mei bertindak sebagai anak yang berbakti dan prihatin, penjagaan jenis ini sangat menyekatkan untuk Puan Kwong.

Dia harus mengaturkan penjagaan lain yang lebih sesuai seperti menghantar Puan Kwong ke pusat demensia jagaan siang.

Jika terdapat lebih daripada satu pilihan, maka semua pilihan mesti ditimbang dan keputusan yang ditentukan berdasarkan kedua-dua prinsip iaitu prinsip demi kepentingan diri dan prinsip pilihan kurang menyekatkan.

BAHAGIAN D

BAGAIMANA AKTA KEUPAYAAN MENTAL MELINDUNGI ORANG YANG KURANG KEUPAYAAN?

D1. APAKAH YANG PERLU DILAKUKAN JIKA SESEORANG MENGESYAKI PENDERAAN?

Siapakah yang perlu dimaklumkan?

Sesiapa yang mengetahui, mengesyaki atau mempercayai bahawa seseorang individu yang kurang keupayaan tidak dijaga dengan baik, memerlukan penjagaan atau perlindungan, boleh melaporkan perkara ini kepada Penjaga Awam dan badan-badan yang berkenaan.

Jika terdapat sebab yang kukuh untuk mengesyaki bahawa jenayah telah dilakukan terhadap seseorang individu, laporan harus dibuat kepada polis.

Jenis-jenis penderaan	Pihak yang perlu dihubungi untuk mendapatkan bantuan
Fizikal	• Polis • Pusat Perkhidmatan Keluarga • Pejabat Penjaga Awam
Seksual	• Polis • Pejabat Penjaga Awam
Kewangan	• Polis • Pusat Perkhidmatan Keluarga • Tribunal untuk Saraan Ibu Bapa (kegagalan untuk menyokong ibu bapa dari segi kewangan) • Pejabat Penjaga Awam (yang melibatkan Penerima Kuasa atau Timbalan)

Jenis-jenis penderaan	Pihak yang perlu dihubungi untuk mendapatkan bantuan
Psikologi	• Polis • Pusat Perkhidmatan Keluarga • Pejabat Penjaga Awam
Pengabaian dan tindakan bersifat menyekatkan	• Polis • Pusat Perkhidmatan Keluarga • Pejabat Penjaga Awam

D2. PERLINDUNGAN UNTUK PEMBERI MAKLUMAT

Mereka yang kurang keupayaan mental adalah golongan yang mudah terdedah pada bahaya. Selalunya, mereka tidak sedar apabila mereka didera dan tidak mampu melaporkan penderaan tersebut. Mereka memerlukan ahli keluarga, jiran dan masyarakat untuk menjaga mereka.

Akta ini memberikan perlindungan perundangan untuk pemberi maklumat yang melaporkan kesangsian tentang penderaan ke atas individu yang kurang berkeupayaan kepada Penjaga Awam. Identiti pemberi maklumat tidak boleh didedahkan dalam prosiding mahkamah dalam apa-apa jua keadaan.

Bagi pekerja penjagaan kesihatan yang membuat pemberitahuan kepada Penjaga Awam atas niat baik, mereka tidak akan tertakluk pada mana-mana liabiliti sivil di bawah Akta tersebut.

BAHAGIAN E

APA YANG PERLU SAYA TAHU TENTANG PENILAIAN KEUPAYAAN MENTAL?

E1. APA YANG DIMAKSUDKAN DENGAN "KEKURANGAN KEUPAYAAN MENTAL"?

Kekurangan keupayaan mental merujuk kepada ketidakupayaan untuk membuat keputusan berhubung dengan perkara yang dihadapi kerana ketidaksempurnaan atau gangguan dalam fungsi minda atau otak.

Seseorang tidak dapat membuat keputusan pada masa yang diperlukan jika dia tidak boleh melakukan satu atau lebih daripada perkara-perkara berikut:

- memahami maklumat,
- mengingati maklumat,
- menimbang maklumat, dan
- menyampaikan keputusan.

Takrifan "kekurangan keupayaan mental" mempunyai dua peringkat ujian keupayaan mental.

Langkah 1

Adakah individu itu yang mengalami ketidaksempurnaan, atau gangguan dalam fungsi minda atau otak?

Langkah 2

Jika ya, adakah ketidaksempurnaan atau gangguan itu menyebabkan orang tersebut tidak dapat membuat keputusan apabila diperlukannya?

E2. SIAPA YANG MEMUTUSKAN SAMA ADA SESEORANG ITU BERKEUPAYAAN ATAU TIDAK?

Keputusan yang berlainan mungkin melibatkan individu yang berbeza untuk menilai keupayaan seseorang itu. Penilai biasanya merupakan individu yang terlibat secara langsung dengan orang tersebut apabila keputusan perlu dibuat.

Penilaian tidak rasmi

Penilaian ini sesuai untuk kebanyakan keputusan harian, contohnya, sama ada individu itu boleh keluar bersendirian. Penilai berkemungkinan merupakan penjaga individu itu. Penilai mesti menggunakan prinsip berkanun dan menyediakan semua bantuan yang semampunya kepada individu tersebut untuk membuat keputusan sendiri. Jika individu itu kurang keupayaan untuk membuat keputusan, penjaga akan membuat keputusan bagi pihak individu itu. Penilaian keupayaan mental tidak rasmi dijalankan oleh individu yang tidak dilatih secara khusus.

Penilaian rasmi

Pengamal perubatan atau pakar berdaftar boleh menjalankan penilaian ini. Untuk mengelakkan percanggahan kepentingan, penilai tidak boleh mempunyai hubungan dengan orang yang dinilai atau individu yang membuat permohonan penilaian rasmi tersebut.

Penerima Surat Kuasa Berkekalan (LPA) atau seorang profesional, seperti seorang peguam, boleh mendapatkan penilaian rasmi apabila mereka sangsi tentang keupayaan seseorang individu dan keputusan yang perlu dibuat oleh individu tersebut adalah penting.

Contoh-contoh keputusan sedemikian termasuk:

- pindah rumah,
- menjual aset, atau
- memindahkan aset kepada individu atau organisasi yang lain.

Individu atau organisasi seperti bank yang berurusan dengan Penerima Kuasa LPA mengenai perkara yang berkaitan dengan harta benda Penerima Kuasa, boleh menghendaki Penerima Kuasa untuk mengemukakan laporan daripada doktor berdaftar yang menyatakan bahawa Pemberi Kuasa telah hilang keupayaan untuk berurusan dengan perkara tersebut buat selamanya. Untuk mendapatkan laporan ini, Penerima Kuasa mestilah terlebih dahulu memohon untuk keupayaan Pemberi Kuasa dinilai secara rasmi.

E3. BILAKAH KEUPAYAAN MENTAL SESEORANG MUNGKIN BERUBAH?

Keupayaan mental seseorang berubah dari semasa ke semasa (contohnya, keadaannya berubah daripada baik kepada buruk dan buruk kepada baik) — ia tidak tetap.

Individu itu harus disokong untuk membuat keputusan apabila dia berkemampuan dari segi mental (iaitu apabila keadaannya baik).

Individu yang mempunyai keupayaan mental walaupun untuk jangka masa yang singkat boleh membuat keputusan dalam tempoh mereka berkeupayaan.

Jenis	Contoh-contoh
Ketidakupayaan yang berubah-ubah	Seseorang yang mengalami: • demensia peringkat awal • kemurungan klinikal • skizofrenia



KISAH DANIELLE

Danielle, berusia 72 tahun, menghidap penyakit Alzheimer peringkat awal. Keupayaan mentalnya berubah-ubah. Apabila dia mempunyai keupayaan mental, dia memahami tentang urusan kewangannya. Pada masa lain, dia menjadi pelupa dan membuat pembayaran beberapa kali untuk barangan dan perkhidmatan yang sama, serta memberikan wang tunai kepada orang yang tidak dikenali. Apabila dia menyedari perkara yang telah dilakukan, dia menjadi sangat kecewa dengan dirinya sendiri.

Ahli keluarganya menyedari bahawa keupayaan mental Danielle lebih baik pada waktu pagi berbanding waktu-waktu lain.

Waktu pagi merupakan masa terbaik untuk keluarga Danielle bercakap dengannya supaya mengarahkan bank untuk mengurangkan had pengeluaran wang hariannya supaya Danielle tidak mempunyai wang tunai yang banyak untuk dibelanjakan semasa keupayaan mentalnya merosot.

BAHAGIAN F

SENARAI SEMAKAN BAGI PENJAGA

F1. SENARAI SEMAKAN

Individu yang melaksanakan penjagaan atau rawatan harus menggunakan senarai semakan di bawah. Semua profesional harus menyimpan rekod tentang langkah-langkah yang diambil semasa menggunakan senarai semakan. Perkara ini merupakan satu amalan yang baik dan akan berguna jika terdapat pertikaian.

Tahap 1 - Mengambil kira prinsip berkanun	Laksana
1. Apabila berurusan dengan sesiapa, dia mesti dianggap mempunyai keupayaan mental melainkan jika dibuktikan sebaliknya.	
2. Seseorang tidak boleh diperlakukan seolah-olah dia tidak boleh membuat keputusan melainkan semua langkah yang perlu telah diambil untuk membantunya terlebih dahulu.	
3 Seseorang tidak boleh diperlakukan sebagai kekurangan keupayaan mental hanya kerana dia membuat keputusan yang kurang bijak.	
4. Sebarang tindakan atau keputusan yang diambil bagi pihak seseorang yang kurang keupayaan mental mestilah diambil demi kepentingan terbaiknya.	
5. Sebelum tindakan atau keputusan diambil bagi pihak seseorang yang kurang keupayaan, perlu dipertimbangkan sama ada terdapat sebarang pilihan yang boleh mencapai tujuan yang dikehendakidengan berkesan dan tidak menyekat hak dan kebebasan orang itu.	

Tahap 2 - Tidak berlandaskan penentuan kepentingan terbaik hanya pada faktor tertentu sahaja		Laksana
Pembuat keputusan tidak boleh memutuskan perkara untuk kepentingan terbaik seseorang atau menilai keupayaan mereka berlandaskan hanya kepada: • umur, • rupa, • perawakan, dan • perilaku.		
Tahap 3 - Menilai keupayaan		Laksana
Pembuat keputusan mesti menilai keupayaan seseorang menggunakan ujian dua peringkat.		
Tahap 4 - Melibatkan dan menggalakkan penyertaan		Laksana
Pembuat keputusan mestilah setakat yang munasabah membenarkan dan menggalakkan individu itu untuk ikut serta, atau memperbaiki keupayaannya untuk menyertai sepenuhnya dalam sebarang tindakan atau keputusan yang menjejaskan dirinya.		
Tahap 5 - Menggunakan senarai semakan kepentingan terbaik	Tahap pelaksanaan	Laksana
1. Sama ada ia berkemungkinan untuk seseorang itu memperoleh semula keupayaan pada masa hadapan untuk membuat keputusan dan bilakah ianya mungkin berlaku.	Mesti dipertimbangkan.	
2. Keinginan dan perasaan masa lalu dan masa kini seseorang, terutamanya jika dicatatkan apabila dia mempunyai keupayaan.	Dipertimbangkan selagi munasabah.	

3. Kepercayaan dan nilai yang boleh mempengaruhi keputusan individu itu jika dia berkeupayaan; contohnya, latar belakang budaya, kepercayaan agama dan perilaku atau tabiat masa lalu.	Dipertimbangkan selagi munasabah	
4. Sebarang faktor lain yang mungkin dipertimbangkan oleh individu itu, jika dia mempunyai keupayaan untuk berbuat demikian.	Dipertimbangkan selagi munasabah	
5. Pendapat sesiapa sahaja yang dinamakan oleh individu itu untuk dirujuk mengenai perkara yang dipersoalkan atau yang serupa.	Dirujuk jika boleh dilaksanakan dan sesuai.	
6. Pendapat sesiapa sahaja yang terlibat dalam menjaga individu itu atau berminat dengan kebajikannya.	Dirujuk jika boleh dilaksanakan dan sesuai.	
7. Pendapat mana-mana Penerima Kuasa bagi Surat Kuasa Berkekalan yang dilantik oleh individu itu.	Dirujuk jika boleh dilaksanakan dan sesuai.	
8. Pendapat mana-mana Timbalan yang dilantik oleh mahkamah.	Dirujuk jika boleh dilaksanakan dan sesuai.	

Tahap 6 - Pertimbangan khas — Rawatan mengekalkan hayat	Laksana
Keputusan mengenai rawatan mengekalkan hayat tidak boleh dibuat oleh sesiapa selain doktor, dan doktor tersebut tidak boleh didorong oleh keinginan untuk menamatkan nyawa individu tersebut.	

Tahap 7 - Pertimbangan khas — Tindakan penjagaan atau rawatan	Laksana
Untuk tindakan penjagaan atau rawatan, seseorang individu mesti memenuhi syarat berikut untuk mendapatkan perlindungan di bawah seksyen 7 Akta Keupayaan Mental: • mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menentukan sama ada individu itu kekurangan keupayaannya tentang perkara yang dipersoalkan sebelum melakukan tindakan itu, dan • percaya secara munasabah bahawa individu itu kurang keupayaan dan tindakan yang dilakukan adalah demi kepentingan terbaik dia.	
Tahap 8 - Pertimbangan khas — Penyekatan (tindakan penjagaan atau rawatan)	Laksana
Untuk tindakan penjagaan atau rawatan yang melibatkan sekatan, selain mematuhi perkara-perkara yang dinyatakan dalam Tahap 7, seseorang itu juga mesti: • percaya secara munasabah bahawa tindakan sekatan itu diperlukan untuk mengelakkan individu itu daripada mengalami bahaya, dan • memastikan tindakan sekatan itu merupakan tindak balas yang munasabah, dengan mengambil kira kemungkinan bahawa individu itu akan mengalami kemudaratan dan kesan daripadanya jika ia tidak dilakukan.	

F2. PERTIMBANGKAN PERANCANGAN PENJAGAAN AWAL (ACP) YANG TELAH DILAKUKAN OLEH P (PESAKIT)

ACP adalah satu siri perbincangan sukarela yang mungkin telah dilakukan oleh Pemberi Kuasa dengan penjaga kesihatannya sebelum kehilangan keupayaan mental.

Penerima Kuasa harus mempertimbangkan sebarang ACP yang telah dilakukan oleh Pemberi Kuasa semasa membuat keputusan untuknya.

F3. PERANCANGAN PENJAGAAN

Perancangan penjagaan ialah dokumen yang memperincikan pengurusan penjagaan seseorang individu yang kurang keupayaan dan boleh disediakan oleh:

- sepasukan profesional pelbagai disiplin (para individu yang mempunyai kemahiran berbeza, contohnya, pakar psikiatri, ahli fisioterapi dan pakar geriatrik);
- Penerima Kuasa Surat Kuasa Berkekalan untuk kebajikan diri (jika individu itu telah melantiknya); dan
- saudara-mara individu itu.

Semua perancangan penjagaan mesti mengandungi penilaian keupayaan mental individu tersebut untuk mengizinkan setiap tindakan penjagaan dan rawatan yang dicadangkan dalam perancangan tersebut. Dokumen ini juga perlu mengandungi penilaian risiko dan menyatakan langkah-langkah sesuai yang diperlukan untuk mengurangi atau mencegah risiko yang berkemungkinan.

Pengurusan penjagaan mesti dibuat demi kepentingan terbaik individu yang berkenaan. Dengan adanya perancangan penjagaan yang sesuai, kakitangan penjagaan kesihatan dan sosial boleh bertugas berdasarkan perancangan itu. Walau bagaimanapun, mereka masih perlu berusaha sedaya upaya untuk berkomunikasi dengan individu itu bagi menentukan sama ada dia masih kekurangan keupayaan dan untuk mengetahui sama ada tindakan itu tetap demi kepentingan terbaiknya. Keupayaan seseorang untuk membuat keputusan khusus harus disemak secara berkala kerana keadaan seseorang yang kurang keupayaan boleh berubah, dan memberi kesan kepada penilaian keupayaan dan kepentingan terbaik. Perancangan penjagaan perlu kerap disemak.



BAHAGIAN G

DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT?

Berikut adalah senarai organisasi yang boleh memberikan maklumat atau bantuan mengenai perkara yang berkaitan dengan individu yang kurang keupayaan mental.

Organisasi	Telefon	Alamat	Laman web
Demensia Singapura	6377 0700	20 Bendemeer Road #01-02 BS Bendemeer Centre Singapore 339914	dementia.org.sg
Pejabat Pesuruhjaya Penyarahan Ibu Bapa	1800 111 2222	8 Lengkok Bahru Family Link @ Lengkok Bahru #02-01 Singapore 159052	msf.gov.sg/ maintenanceofparents
Pusat Pengantaraan Masyarakat	1800 225 5529	45 Maxwell Road The URA Centre (East Wing) #07-11 Singapore 069118	cmc.mlaw.gov.sg
Pusat Khidmat Keluarga	-	-	www.msf.gov.sg/dfcs/ familyservice/default. aspx
Institut Kesihatan Mental	6389 2000	Buangkok Green Medical Park 10 Buangkok View Singapore 539747	www.imh.com.sg
Pusat Pengantaraan Singapura	6252 4226	1 Supreme Court Lane Level 4 Singapore 178879	www.mediation.com.sg
Agency for Integrated Care	1800 650 6060	-	www.aic.sg
Biro Bantuan Guaman	1800 225 5529	Ministry of Law Services Centre 45 Maxwell Road The URA Centre (East Wing) #07-11 Singapore 069118	lab.mlaw.gov.sg
Persatuan Undang-undang Singapura	6538 2500	28 Maxwell Road #01-03 Maxwell Chambers Suites Singapore 069120	www.lawsociety.org.sg

GLOSARI

Tindakan yang berkaitan dengan penjagaan atau rawatan

Tugas-tugas yang dijalankan oleh penjaga (berbayar atau tidak berbayar), kakitangan penjagaan kesihatan dan ahli keluarga yang melibatkan penjagaan diri, penjagaan kesihatan atau rawatan perubatan kepada seseorang yang kurang keupayaan untuk mengizinkan tindakan-tindakan yang berkaitan dengan dirinya.

Kepentingan terbaik

Para pembuat keputusan berkewajipan untuk mempertimbangkan banyak faktor yang memberi tumpuan kepada perkara yang terbaik untuk mereka yang kurang keupayaan sebelum membuat sesuatu keputusan bagi pihaknya. Untuk maklumat lanjut, rujuk Bab 6 dalam Kod Tata Amalan.

Kod Tata Amalan

Kod Tata Amalan menyokong Akta Keupayaan Mental (Akta) dan memberikan penjelasan lanjut tentang cara Akta ini harus diamalkan.

Pembuat keputusan

Pembuat keputusan ialah individu atau orang yang membuat keputusan bagi pihak golongan yang kurang keupayaan. Mereka termasuklah penjaga, jururawat, doktor, Penerima Kuasa Surat Kuasa Berkekalan (LPA) dan Timbalan yang dilantik oleh mahkamah.

Timbalan

Seorang Timbalan dilantik oleh mahkamah untuk membuat keputusan tertentu bagi pihak seseorang yang kurang keupayaan mental apabila seseorang itu belum membuat LPA dan tidak mempunyai Penerima Kuasa untuk membuat keputusan tertentu bagi pihaknya. Timbalan boleh merupakan individu atau syarikat amanah berlesen di bawah Akta Syarikat Amanah (Bab 336), seperti yang diperuntukkan oleh Peraturan Keupayaan Mental

Pemberi Kuasa

Individu yang berumur sekurang-kurangnya 21 tahun, yang membuat sebuah LPA dengan melantik seorang Penerima Kuasa untuk menjaga kebajikan dirinya dan/atau perihal harta benda dan urusan jika individu itu kehilangan keupayaan mentalnya suatu hari nanti.

Penerima Kuasa

Penerima Kuasa dilantik oleh Pemberi Kuasa untuk membuat keputusan dan bertindak bagi pihak mereka dalam perihal kebajikan diri dan/atau harta benda dan urusan sekiranya Pemberi Kuasa kehilangan keupayaan mental untuk menguruskan urusan mereka sendiri.

Keupayaan yang berubah-ubah

Seseorang itu mempunyai keupayaan yang berubah-ubah apabila keupayaan mentalnya berubah dari semasa ke semasa, contohnya, apabila keadaannya berubah daripada baik kepada buruk dan buruk kepada baik. Ia tidak tetap. Individu yang berada pada peringkat awal demensia atau menghidap skizofrenia mungkin mengalami keupayaan yang berubah-ubah.

Penilaian rasmi (keupayaan mental)

Penilaian formal keupayaan mental dilakukan oleh pengamal perubatan berdaftar yang telah dilatih secara khusus atau pakar dalam kesihatan mental, seperti pakar psikiatri. Seorang profesional seperti akauntan, atau Penerima Kuasa LPA boleh mendapatkan penilaian rasmi apabila mereka mempunyai keraguan tentang keupayaan seseorang individu dan keputusan yang perlu dibuat oleh individu itu adalah penting atau mereka menjangkakan pertikaian mengenai keputusan itu.

Penganiayaan

Di bawah Akta tersebut, penganiayaan merujuk kepada penderaan terhadap seseorang yang berumur sekurang-kurangnya 16 tahun dan yang kurang keupayaan atau yang Pesalah percaya kurang keupayaan. Penganiayaan termasuk penderaan fizikal, penderaan seksual, penderaan psikologi dan pengabaian serta penyekatan.

Surat Kuasa Berkekalan (LPA)

Suatu dokumen undang-undang yang membenarkan seorang Pemberi Kuasa secara sukarela melantik satu atau lebih Penerima Kuasa untuk membuat keputusan dan bertindak bagi pihaknya sekiranya Pemberi Kuasa kehilangan keupayaan untuk membuat keputusan sendiri.

Rawatan mengekalkan hayat

Rawatan mengekalkan hayat ialah rawatan yang, dalam pandangan penjaga kesihatan diperlukan untuk mengekalkan kehidupan seseorang.

Keupayaan mental

Keupayaan mental merupakan kebolehan seseorang untuk membuat keputusan tertentu pada masa tertentu.

Pejabat Penjaga Awam (OPG)

OPG mempunyai tanggungjawab yang luas dalam rangka kerja Akta Keupayaan Mental. Ini termasuk menyimpan daftar LPA, menyelia para Timbalan dan menyiasat sebarang dakwaan penganiayaan.

Skim Timbalan Profesional dan Penerima Kuasa (PDD)

Skim PDD menyokong individu yang mempunyai aset yang sederhana atau banyak, dan yang mungkin tidak mempunyai ahli keluarga atau rakan yang boleh dipercayai untuk mewakili mereka untuk membuat keputusan. Hal ini dilakukan dengan melantik seorang Timbalan Profesional untuk menjadi Penerima Kuasa mereka melalui LPA, atau sebagai Timbalan melalui perintah mahkamah.

Ketidakupayaan kekal

Seseorang individu mengalami ketidakupayaan kekal apabila ketidakupayaan itu adalah bersifat jangka masa panjang. Contohnya termasuk individu yang hilang keupayaan bergerak secara kekal atau sindrom terkunci.

Penerima Kuasa kebajikan diri

Penerima Kuasa kebajikan diri ialah individu yang dilantik oleh Pemberi Kuasa di bawah LPA untuk membuat keputusan kebajikan diri bagi pihak Pemberi Kuasa apabila Pemberi Kuasa tidak mempunyai keupayaan untuk membuat keputusan ini sendiri. Keputusan kebajikan diri merupakan keputusan yang berkaitan dengan gaya hidup seperti tempat tinggal Pemberi Kuasa dan individu yang boleh atau tidak boleh menghubungi Pemberi Kuasa.

Penerima Kuasa harta benda dan urusan

Penerima Kuasa harta benda dan urusan ialah individu atau syarikat amanah berlesen di bawah Akta Syarikat Amanah (Bab 336), seperti yang diperuntukkan oleh Peraturan Keupayaan Mental, yang dilantik oleh Pemberi Kuasa di bawah LPA untuk membuat keputusan berkaitan dengan perihal harta benda dan urusan apabila Pemberi Kuasa tidak mempunyai keupayaan untuk membuat keputusan ini sendiri.

Penyekatan

Penyekatan ialah penggunaan, atau ancaman untuk menggunakan, paksaan oleh seseorang individu untuk memastikan pemuatan melakukan sesuatu tindakan, yang ditentang oleh orang itu, atau menyekat kebebasan pergerakan seseorang, sama ada orang itu menentang atau tidak. Seseorang boleh disekat tanpa menggunakan kekerasan atau ancaman kekerasan fizikal.

Prinsip berkanun

Terdapat lima prinsip berkanun di bawah Akta Keupayaan Mental yang mesti dipatuhi oleh setiap individu apabila berurusan dengan seseorang yang tidak mempunyai atau mungkin kurang keupayaan mental.

Keputusan kurang bijak

Perkara ini merujuk kepada salah satu prinsip berkanun. Seseorang yang mempunyai keupayaan mental berhak untuk membuat keputusan yang mungkin dianggap kurang bijak oleh orang lain. Keputusan yang kurang bijak tidak bermakna individu itu telah hilang keupayaan mental.

PEJABAT PENJAGA AWAM

Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga
3 Bishan Place
#03-00, CPF Bishan Building
Singapore 579838

Talian hotline: 1800 111 2222

Borang pertanyaan: <https://go.gov.sg/opg-enquiry>

Laman web: www.msf.gov.sg/opg

Edisi August 2024